

PM setuju ditubuh Fakulti Perubatan UiTM

UM 21 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersetuju dengan penubuhan Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM), kata Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin.

Menurut beliau, persetujuan itu telah dinyatakan oleh Perdana Menteri tiga bulan lalu dalam satu konvensyen di Ulu Sepri, Negeri Sembilan.

Katanya, usaha ke arah penubuhan fakulti itu sedang rancak dijalankan dan tidak menolak ia akan menjadi kenyataan akhir tahun ini atau awal tahun depan.

Beliau menjangkakan 100 pelajar akan dapat mengikuti kursus perubatan pada sesi pengambilan sulung fakulti tersebut atau bergantung kepada UiTM sendiri.

“UiTM juga telah mengemukakan cadangan kepada Kementerian Pendidikan dan kita akan buat kajian.

“Kalau persediaan mereka telah lengkap dari segi bangunan, peralatan dan pensyarah misalnya, usaha penubuhan tersebut akan menjadi kenyataan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Semalam, sumber dalaman UiTM berkata, penubuhan fakulti tersebut dijangka selewat-lewatnya akan terlaksana pada penghujung tahun ini.

Mengenai tapak fakulti pula, beliau berkata, UiTM mempunyai dua pilihan kawasan iaitu di kampus induk di Shah Alam dan keduanya di bandar Shah Alam 2 berhampiran Taman Pertanian Bukit Cahaya Seri Alam.